

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
[Setiu]

TARIKH : 17 Mei 2016

SOALAN : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah
kawasan padi FASA 2 di luar jelapang di
Daerah Setiu akan dibangunkan bagi
meningkatkan pendapatan petani serta
pertumbuhan di Daerah Setiu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui IADA KETARA akan mula membangunkan kawasan padi FASA 2 di luar jelapang, Daerah Setiu apabila pihak kerajaan negeri Terengganu bersetuju secara rasmi mengisytiharkan kawasan tersebut untuk dijadikan sebagai jelapang padi negara dan persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan diperolehi.

Kawasan padi seluas 2,507 hektar tersebut akan dibangunkan sebagai kawasan jelapang padi negara yang dijangka akan meningkatkan penghasilan padi daripada 2.9 mt/ha kepada 5.5 mt/ha. Ini sekaligus turut meningkatkan pendapatan seramai 721 petani secara purata daripada RM770 sebulan kepada RM2,218 sebulan.